

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**PEPERIKSAAN AKHIR TEORI
SESI I : 2023 / 2024**

SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

**SPP 20203
MIKROEKONOMI**

Dua (2) jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN UMUM

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan di kedua-dua bahagian.
3. Bahagian A mengandungi **Dua Puluh (20)** soalan aneka pilihan dengan empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** pilihan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Bahagian B mengandungi **Tiga (3)** soalan subjektif. Tuliskan jawapan anda dalam buku jawapan yang disediakan.
5. Kertas soalan ini hendaklah dikembalikan semula kepada Pengawas setelah tamat peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi **TIGA BELAS (13)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

BAHAGIAN A*[40 markah]*Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

1. Ilmu ekonomi mengkaji bagaimana manusia CLO1
T1
 - A** menghasilkan produk sendiri dengan menggunakan sumber-sumber ekonomi
 - B** membelanjakan wang yang tidak terhad untuk mendapatkan keperluan yang terhad
 - C** menguruskan sumber ekonomi yang terhad bagi memenuhi kehendak yang tidak terhad
 - D** memenuhi keperluan yang tidak terbatas dengan menguruskan sumber pengeluaran yang tidak terbatas

2. Barang ekonomi merupakan barang yang CLO1
T1
 - A** dimiliki oleh pengguna
 - B** diperoleh secara percuma
 - C** penawarannya tidak terhad
 - D** dikeluarkan oleh pihak swasta

3. Antara berikut, yang manakah **BUKAN** merupakan sumber ekonomi? CLO1
T1
 - A** Buruh
 - B** Modal
 - C** Operasi
 - D** Usahawan

4. Pernyataan manakah yang merujuk kepada masalah “Bagaimana barang hendak dikeluarkan”? CLO1
T1
- A. Penentuan kuantiti barang yang akan dihasilkan.
 - B. Pemilihan buruh dan bahan yang akan digunakan.
 - C. Penentuan sasaran pasaran bagi barang yang dikeluarkan.
 - D. Pemilihan jenis barang yang hendak dikeluarkan dalam ekonomi.
5. Antara berikut, manakah ciri-ciri sistem ekonomi perancangan pusat? CLO1
T1
- I. Wujud persaingan antara firma
 - II. Pengguna bebas membuat pilihan
 - III. Kebajikan masyarakat diutamakan
 - IV. Kerajaan menentukan penggunaan sumber ekonomi
- A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. II dan IV
 - D. III dan IV
6. Menurut hukum permintaan, hubungan di antara kuantiti barang yang diminta dengan harga ialah CLO1
T2
- A positif
 - B menegak
 - C mendatar
 - D songsang
7. Bagaimanakah keseimbangan pasaran wujud? CLO1
T2
- A Kuantiti diminta melebihi kuantiti ditawarkan
 - B Kuantiti ditawarkan melebihi kuantiti diminta
 - C Kuantiti diminta sama dengan kuantiti ditawarkan
 - D Kuantiti diminta sama dengan harga pasaran

8. Antara yang berikut, manakah **BUKAN** merupakan ciri-ciri keluk penawaran? CLO1
T2
- A. Mencerun ke atas dari kiri ke kanan
 - B. Mencerun ke bawah dari kiri ke kanan
 - C. Menunjukkan hubungan positif di antara harga dan kuantiti ditawarkan
 - D. Menunjukkan hubungan langsung di antara harga dan kuantiti ditawarkan
9. Cukai tak langsung yang dikenakan kerajaan ke atas pengeluar akan CLO1
menyebabkan T2
- A. peralihan keluk penawaran ke kiri
 - B. peralihan keluk permintaan ke kiri
 - C. peralihan keluk penawaran ke kanan
 - D. peralihan keluk permintaan ke kanan
10. Contoh input tetap bagi sebuah restoran adalah CLO1
T3
- A. pekerja.
 - B. bekalan elektrik.
 - C. bangunan kedai.
 - D. bahan mentah masakan.
11. Rumus di bawah berkaitan dengan keluaran purata. CLO1
T3
- $$\text{Keluaran purata} = \frac{\text{Jumlah Keluaran}}{X}$$
- X ialah
- A. nilai kos tetap
 - B. jumlah input tetap
 - C. jumlah input berubah
 - D. nilai keluaran marginal

12. Antara yang berikut, yang manakah **BUKAN** merupakan aktiviti pengeluaran CLO1 dalam ekonomi? T3

- I. Syarikat Celfie menghasilkan sarung kamera
- II. Cik Man menjamu selera di restoran semasa waktu rehat kerja
- III. Puan Zuzu membuka gerai makanan di kawasan perindustrian
- IV. Encik Joe membeli barang hiasan Tahun Baharu Cina di pasar raya

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. II dan IV
- D. III dan IV

13. Pilih padanan yang **BENAR** menunjukkan perbezaan antara input tetap dengan CLO1 input berubah. T3

	Input tetap	Input berubah
A.	Bahan mentah	Mesin kilang
B.	Berubah secara langsung dengan tingkat output	Tidak berubah secara langsung dengan tingkat output
C.	Tetap wujud apabila tingkat output adalah sifar	Tidak wujud apabila tingkat output adalah sifar
D.	Wujud dalam pengeluaran jangka masa pendek dan panjang	Wujud dalam pengeluaran jangka masa panjang sahaja


14. Kos pengeluaran merupakan

CLO1

T4

- A. kos yang perlu dibayar apabila pembeli membuat belian
- B. kos yang ditanggung oleh isi rumah untuk perbelanjaan harian
- C. kos yang perlu ditanggung firma untuk menghasilkan sesuatu produk
- D. kos yang ditanggung kerajaan untuk menyediakan kemudahan awam

15. Rajah 1 menunjukkan keluk kos purata (AC), kos berubah purata (AVC), kos tetap purata (AFC) dan kos marginal (MC). CLO1
T4



Rajah 1

Pada tingkat keluaran Q, kos tetap purata (AFC) firma diwakili oleh jarak

- A. X-Q
 - B. X-Y
 - C. X-Z
 - D. Y-Z
16. Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan kos tetap? CLO1
T4
- I. Berubah mengikut bilangan output
 - II. Ditanggung walaupun tiada output dikeluarkan
 - III. Terdiri daripada kos bahan mentah dan kos buruh
 - IV. Wujud dalam pengeluaran jangka masa pendek sahaja

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. II dan IV
- D. III dan IV

17. Pasaran persaingan sempurna merujuk kepada banyak firma yang CLO1
mengeluarkan T5


- A. barang mesti
- B. barang bawahan
- C. barang homogen
- D. barang pengganti

18. Dalam jangka panjang, firma pasaran monopoli memperoleh CLO1
T5

- A. kerugian
- B. untung normal
- C. untung lebih normal
- D. untung kurang normal

Soalan 19 dan 20 berdasarkan Rajah 2.

19. CLO1
T5



Rajah 2

Output keseimbangan ialah

- A. 14 unit
- B. 15 unit
- C. 18 unit
- D. 20 unit

20. Harga keseimbangan ialah

CLO1

T5

- A. RM 2.30
- B. RM 2.50
- C. RM 2.80
- D. RM 5.00

BAHAGIAN B*[60 markah]*

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

Soalan 1

- a) Berikan definisi dan contoh untuk pengkelasan barang berikut : CLO1
i. Barang percuma T1
ii. Barang ekonomi

[4 markah]

- b) Senaraikan **EMPAT (4)** sumber ekonomi beserta ganjaran yang diterima. CLO1
[4 markah] T1

- c) Maklumat di bawah berkaitan dengan masalah asas ekonomi bagi sebuah CLO1
syarikat. T1

Syarikat Megah Berjaya bercadang untuk mengeluarkan 1000 unit pelindung betis (*shin guards*), khusus untuk pemain hoki. Ia akan dikeluarkan dalam pelbagai saiz yang sesuai dengan pelbagai peringkat umur pemain hoki. Ia menggunakan teknologi Korea yang menggunakan plastik berkualiti tinggi dan dapat melindungi betis dari tercedera.

Jelaskan **EMPAT (4)** masalah asas ekonomi serta penyelesaian masalah dalam situasi di atas.

[8 markah]

- d) Jadual 1 menunjukkan hubungan di antara tingkat harga dengan kuantiti yang CLO1
diminta dan ditawarkan. T2

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)	Kuantiti ditawarkan (unit)
10	150	50
20	140	60
30	130	70
40	120	80
50	110	90
60	100	100
70	90	110
80	80	120

Jadual 1

Berdasarkan jadual 1, lukis keluk permintaan dan penawaran dengan menggunakan kertas graf.

[4 markah]

Soalan 2

- a) Senaraikan **EMPAT (4)** faktor yang mempengaruhi permintaan. CLO1

[4 markah] T2

- b) Lengkapkan jadual di bawah dengan menyatakan perubahan yang berlaku CLO1
terhadap permintaan dan penawaran baju batik. T2

Situasi	Permintaan baju batik	Penawaran baju batik
i. Kerajaan mewajibkan semua penjawat awam untuk memakai batik pada hari Khamis		
ii. Industri batik menggunakan teknologi canggih		

Jadual 2

Nota : Sila jawab di helaian lampiran yang disertakan di muka surat terakhir soalan.

[4 markah]

- c) i. Jelaskan definisi pengeluaran. CLO1

[2 markah] T3

- ii. Nyatakan **EMPAT (4)** konsep pengeluaran.

[4 markah]

- d) Situasi di bawah berkaitan dengan aktiviti pengeluaran perabot oleh Puan Nani.

CLO1

T3

Puan Nani baru memulakan sebuah perniagaan mengeluarkan perabot. Puan Nani telah mengubahsuai bangunan kedainya untuk dijadikan kilang. Beliau juga mempunyai 3 mesin kayu dan 5 orang pekerja. Selain itu, Puan Nani juga merupakan pengurus yang menguruskan semua aspek perniagaannya. Bahan mentah utama diperoleh dari kilang papan.

- i. Kenal pasti **DUA (2)** input tetap dan **DUA (2)** input berubah dalam situasi di atas.

[4 markah]

- ii. Pada pendapat anda, apakah jangka masa pengeluaran perabot untuk perniagaan Puan Nani. Berikan sebab yang menyokong pendapat anda.

[2 markah]

Soalan 3

- a) Berikut adalah kos-kos yang ditanggung oleh Kedai Laku Keras yang menawarkan perkhidmatan mencuci karpet. CLO1
T4

Kos	Jenis Kos
Sewa kedai	
Upah pekerja	
Bil air dan elektrik	
Serbuk pencuci dan pewangi	

Jadual 3

Anda dikehendaki untuk mengenalpasti jenis kos tersebut dan melengkapkan jadual di atas.

Nota : Sila jawab di helaian lampiran yang disertakan di muka surat terakhir soalan.

[4 markah]

- b) Bagi membolehkan sesebuah firma beroperasi, kos pengeluaran perlulah CLO1
T4

i. Huraikan maksud kos purata beserta rumus pengiraan.

[2 markah]

ii. Lakarkan **SATU (1)** keluk yang menunjukkan kos purata dan kos marginal.

[2 markah]

- c) Jelaskan **TIGA (3)** perbezaan di antara firma yang beroperasi dalam pasaran persaingan sempurna dan firma yang beroperasi dalam pasaran monopoli dari segi ciri-ciri. CLO1
T5

[6 markah]

- d) Terangkan **TIGA (3)** faktor yang boleh mewujudkan pasaran monopoli. CLO1
T5

[6 markah]

SOALAN TAMAT
Selamat Menjawab

Arahan :

Tanggalkan helaian ini dan kepilkan bersama-sama Skrip Jawapan Peperiksaan Akhir anda.

Soalan 2 (b)

Lengkapkan jadual di bawah dengan menyatakan perubahan yang berlaku terhadap permintaan dan penawaran baju batik. CLO1
T2

Situasi	Permintaan baju batik	Penawaran baju batik
i. Kerajaan mewajibkan semua penjawat awam untuk memakai batik pada hari Khamis		
ii. Industri batik menggunakan teknologi canggih		

Jadual 2

[4 markah]

Soalan 3 (a)

Berikut adalah kos-kos yang ditanggung oleh Kedai Laku Keras yang menawarkan perkhidmatan mencuci karpet. CLO1
T4

Kos	Jenis Kos
Sewa kedai	
Upah pekerja	
Bil air dan elektrik	
Serbuk pencuci dan pewangi	

Jadual 3

Anda dikehendaki untuk mengenalpasti jenis kos tersebut dan melengkapkan jadual di atas.

[4 markah]